

**MENINJAU KONSEP TERJEMAHAN SEMULA:
PUTERA CILIK (2015) DAN PUTERA KECIL (2021)**
*Exploring the Concept of Retranslation:
Putera Cilik (2015) and Putera Kecil (2021)*

HASLINA HAROON

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang.*

Penulis penghubung: haslina@usm.my

Dihantar/Received: 6 April 2023 | Penambahbaikan/Revised: 5 Jun 2023

Diterima/Accepted: 19 Jun 2023 | Terbit/Published: 26 Jun 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v34i1.4302>

Abstrak Terjemahan semula (*retranslation*) sebagai satu produk merujuk terjemahan baharu atau terjemahan terkemudian yang dihasilkan daripada teks sumber yang sama dan dalam bahasa sasaran yang sama dengan terjemahan yang pertama. Kewujudan beberapa buah teks terjemahan daripada satu teks yang sama menyebabkan andaian sering dibuat bahawa teks terjemahan yang terkemudian merupakan satu bentuk terjemahan semula. Kajian ini bertujuan untuk menentukan ketepatan andaian ini dengan memberikan fokus pada dua teks terjemahan dalam bahasa Melayu, iaitu *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021). Untuk melaksanakan kajian ini, analisis periteks dan epiteks kedua-dua terjemahan ini dilakukan, dan temu bual bersama penerbit dan penterjemah dijalankan. Berdasarkan analisis yang dilakukan dan maklum balas yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa teks terjemahan *Putera Kecil* (2021) bukan satu bentuk terjemahan semula. Hal ini demikian kerana walaupun *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021) berasal daripada karya bahasa Perancis yang sama, iaitu *Le Petit Prince*, kedua-duanya tidak berkongsi teks sumber yang sama. Kajian ini mempunyai implikasi dari segi pentakrifan dan pemahaman konsep seperti ‘teks asal’, ‘teks sumber’ dan ‘terjemahan semula’ dalam kajian bidang terjemahan. Kajian ini juga menekankan kepentingan untuk menentukan dengan tepat teks sumber dalam kajian dalam bidang terjemahan. Hal ini demikian kerana kesimpulan yang tepat hanya dapat dibuat jika teks sumber yang tepat digunakan dalam perbandingan dan analisis.

Kata kunci: Terjemahan semula, terjemahan tidak langsung, sejarah terjemahan, *The Little Prince*, *Putera Cilik*, *Putera Kecil*.

Abstract *Retranslation as a product refers to a new translation or a subsequent translation produced from the same source text and into the same target language as the first translation. The presence of several translations from the same text has led to the common assumption that the subsequent translation is a form of retranslation. This study intends to test this assumption, by focusing on two translations in Malay, Putera Cilik (2015) and Putera Kecil (2021). To carry out this study, an analysis of the peritexts and epitexts of both translations is carried out, and interviews are held with the publishers and translators. Based on the analysis carried out and the response obtained, it can be concluded that Putera Kecil (2021) is not a retranslation. This is due to the fact that although Putera Cilik (2015) and Putera Kecil (2021) originate from the same French text, Le Petit Prince, they do not share the same source text. This study has a number of implications in terms of the definition and understanding of concepts such as ‘original text’, ‘source text’ and ‘retranslation’ in research within the field of Translation Studies. This study also underlines the importance of correctly identifying the source text in translation research. This is due to the fact that accurate conclusions can only be drawn if the correct source text is employed in the comparison and analysis.*

Keywords: *retranslation, indirect translation, translation history, The Little Prince, Putera Cilik, Putera Kecil.*

PENGENALAN

Terjemahan semula (*retranslation*) sebagai satu produk merujuk terjemahan terkemudian bagi sebuah teks yang dihasilkan daripada teks sumber yang sama dan dalam bahasa sasaran yang sama dengan terjemahan yang pertama. Konsep terjemahan semula ini dapat difahami dengan lebih jelas melalui penelitian terhadap beberapa takrifan yang diberikan oleh beberapa orang sarjana dalam bidang terjemahan. Menurut Susam-Sarajeva (2003), terjemahan semula atau ‘*retranslation*’ merujuk “*subsequent translations of a text or part of a text, carried out after the initial translation that introduced*

this text to the ‘same’ target language” (2003: 2). Takrifan ini jelas menunjukkan bahawa yang menghubungkan terjemahan semula dengan terjemahan yang pertama ialah hakikat bahawa kedua-duanya berkongsi teks sumber dan bahasa sasaran yang sama. Hal yang sama dapat dilihat dalam takrifan yang diberikan oleh Koskinen dan Paloposki (2010), yang mendefinisikan terjemahan semula sebagai “*a second or later translation of a single source text into the same target language*” (2010: 294), dan juga dalam takrifan oleh Koskinen (2018), iaitu terjemahan semula merujuk “*a new translation produced in the same language where a previous translation of the same text already exists*” (2018: 317).

Dalam konteks terjemahan karya sastera di Malaysia, terjemahan semula bukanlah sesuatu yang asing, sama ada dalam konteks terjemahan Melayu-Inggeris mahupun dalam konteks terjemahan Inggeris-Melayu. Novel *Salina* (1961) hasil karya Sasterawan Negara A. Samad Said, misalnya, diterjemahkan sebanyak tiga kali ke dalam bahasa Inggeris, iaitu pada tahun 1975 oleh Harry Aveling, pada tahun 1991 oleh Hawa Abdullah, dan pada tahun 2013 oleh Lalita Sinha. Novel *Almayer’s Folly* (1895) karya penulis Poland-Inggeris, Joseph Conrad, juga telah diterjemahkan sebanyak dua kali ke bahasa Melayu. Terjemahan pertama bertajuk *Istana Impian* dihasilkan oleh Rustam A. Sani pada tahun 1967, manakala terjemahan semula bertajuk *Kemudi* diusahakan oleh Hamidah Hassan dan Morne Hashim pada tahun 2016. Seterusnya, buku bertajuk *Malay Sketches* (1895) yang memuatkan pengamatan Frank Swettenham, seorang pegawai kolonial British tentang Malaya juga telah diterjemahkan sebanyak dua kali ke bahasa Melayu. Terjemahan yang pertama oleh Zubaidah Ibrahim diterbitkan pada tahun 2003 dengan tajuk *Perihal Orang Melayu*, manakala terjemahan semula oleh Ahmad Zamani Ishak dan Norziati Rosman diterbitkan pada tahun 2022 dengan tajuk *Gelagat & Ragam Orang Melayu*.

Kewujudan beberapa buah teks terjemahan dalam bahasa sasaran yang sama menyebabkan andaian sering dibuat bahawa teks terjemahan yang terkemudian semestinya merupakan satu bentuk terjemahan semula. Adakah andaian ini sentiasa benar? Perkara inilah yang cuba diteliti dalam makalah ini. Secara khususnya, makalah ini akan cuba untuk meneliti ketepatan andaian bahawa teks terjemahan yang terkemudian merupakan

teks terjemahan semula, dengan memberikan fokus pada dua teks terjemahan dalam bahasa Melayu, iaitu *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021), yang merupakan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi teks bahasa Perancis, *Le Petit Prince* (1943). Makalah ini juga akan membincangkan implikasi pengetahuan ini dalam kajian dalam bidang terjemahan, khususnya dalam kajian yang lazimnya melibatkan perbandingan antara teks sumber dengan teks terjemahan.

Bahagian yang seterusnya dalam makalah ini akan membincangkan perkara-perkara berikut: (1) sorotan kepustakaan; (2) metodologi kajian; (3) dapatan dan perbincangan; dan (4) kesimpulan.

SOROTAN KEPUSTAKAAN

Terjemahan semula merujuk terjemahan selain terjemahan pertama yang dihasilkan daripada teks sumber yang sama dan ke dalam bahasa sasaran yang sama seperti teks terjemahan pertama. Para sarjana dalam bidang terjemahan mula menunjukkan minat terhadap topik ini selepas penerbitan satu isu khas jurnal *Palimpsestes* pada tahun 1990 yang memberikan fokus pada topik '*retraduire*' atau terjemahan semula. Sejak itu, pelbagai kajian telah dijalankan yang berfokus pada topik ini. Antara penerbitan terkini yang memberikan tumpuan khusus pada isu terjemahan semula termasuklah penerbitan oleh Deane-Cox (2014), Cadera dan Walsh (2016), dan Berk Albachten dan Tahir Gürçağlar (2019a, 2019b).

Antara persoalan utama dalam kajian yang menyentuh topik terjemahan semula ialah persoalan tentang sebab terjemahan semula dilakukan. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi penyebab atau pendorong kepada terjemahan semula. Antara sebab yang paling utama ialah teks terjemahan pertama sudah lapuk dan perlu digantikan dengan terjemahan yang baharu (Koskinen & Paloposki, 2003). Dalam keadaan ini, terjemahan semula dilakukan untuk memberikan nafas baharu kepada teks terjemahan tersebut melalui penggunaan bahasa yang lebih moden dan terkini. Walau bagaimanapun, tidak semua terjemahan semula melibatkan jurang masa yang lama antara terjemahan pertama dengan terjemahan semula, malah terdapat juga terjemahan semula yang dihasilkan pada masa

yang sama atau hampir sama dengan teks terjemahan pertama (Koskinen & Paloposki, 2010).

Terjemahan semula juga mungkin berlaku kerana terjemahan yang baharu itu mempunyai fungsi yang berbeza jika dibandingkan dengan fungsi terjemahan yang pertama (Kim, 2018), atau kerana terjemahan semula memberikan tafsiran yang berbeza tentang teks sumber jika dibandingkan dengan teks terjemahan pertama (Vanderschelden, 2001). Terjemahan semula juga boleh berlaku disebabkan faktor sosiopolitik (Cardoso, 2021), perubahan konteks sosial dan perubahan norma terjemahan (Brownlie, 2006; Du Nour, 1995), dan juga perubahan dari segi jangkaan pembaca pada zaman yang berbeza (Lanselle, 2020). Selain itu, terjemahan semula juga mungkin berkait rapat dengan aspirasi penterjemah dan penerbit untuk menonjolkan peranan mereka dalam masyarakat (Saeedi, 2020). Terjemahan semula juga mungkin dihasilkan semata-mata disebabkan penghayatan peribadi penterjemah terhadap teks sumber dan keperluan untuk berkongsi penghayatan ini bersama pembaca (Venuti, 2013).

Salah satu perkara penting dalam kajian yang melibatkan terjemahan semula ialah penentuan teks sumber atau teks yang dikongsi bersama oleh terjemahan pertama dan terjemahan semula. Hal ini demikian kerana seperti yang telah ditekankan sebelum ini, perkara yang menghubungkan terjemahan semula dengan terjemahan yang pertama ialah hakikat bahawa kedua-duanya berkongsi teks sumber yang sama. Ivaska dan Huuhtanen (2020), misalnya, cuba membandingkan lima terjemahan dalam bahasa Finland bagi novel bahasa Perancis *Vingt mille lieues sous les mer* karya Jules Verne. Walau bagaimanapun, didapati bahawa perbandingan sukar dilakukan kerana terdapat perbezaan yang amat ketara antara terjemahan tersebut. Hal ini seterusnya menyebabkan andaian dibuat bahawa perbezaan yang ketara ini mungkin berlaku kerana semua terjemahan tersebut dihasilkan berdasarkan teks sumber yang berlainan. Disebabkan hal ini, Ivaska dan Huuhtanen (2020) memfokuskan kajian mereka pada usaha mencari dan mengenal pasti teks sumber bagi setiap terjemahan tersebut. Usaha ini dilakukan dengan menggunakan analisis parateks yang berfokus pada dokumen yang dijumpai dalam koleksi penterjemah selain analisis perbandingan teks-teks tersebut. Hasilnya, Ivaska dan Huuhtanen (2020)

mendapati bahawa setiap terjemahan tersebut sememangnya mempunyai teks sumber yang berbeza. Dengan kata lain, empat terjemahan yang dihasilkan selepas terjemahan yang pertama bukanlah terjemahan semula dalam erti kata yang sebenar.

Penentuan teks sumber sebenarnya penting bukan sahaja dalam konteks kajian tentang terjemahan semula tetapi juga dalam konteks kajian yang melibatkan bentuk terjemahan yang lain, misalnya terjemahan tidak langsung. Terjemahan tidak langsung ialah terjemahan ke dalam bahasa sasaran yang dilakukan berdasarkan teks sumber yang juga merupakan sebuah teks terjemahan. Kajian oleh Hadya (2016), misalnya, memberikan fokus pada teks terjemahan dalam bahasa Poland bertajuk *Janina*, yang dihasilkan oleh Emilia Dobrzańska berdasarkan novel bahasa Inggeris bertajuk *Jane Eyre* oleh Charlotte Brontë. Walaupun *Janina* dikatakan diterjemahkan berdasarkan teks sumber bahasa Inggeris, Hadya (2016) mendapati bahawa terdapat banyak penggunaan bahasa Perancis dalam terjemahan bahasa Poland tersebut. Hal ini menyebabkan beliau membuat andaian bahawa teks sumber yang sebenar bukanlah teks *Jane Eyre* dalam bahasa Inggeris tetapi terjemahan *Jane Eyre* dalam bahasa Perancis. Melalui penelitian yang dilakukan, Hadya (2016) akhirnya menyimpulkan, berdasarkan beberapa bukti daripada analisis teks, bahawa teks terjemahan dalam bahasa Poland tersebut tidak dihasilkan berdasarkan teks sumber dalam bahasa Inggeris tetapi sebenarnya dihasilkan berdasarkan sebuah teks terjemahan dalam bahasa Perancis. Melalui dapatan ini juga, Hadya (2016) menjelaskan bahawa beberapa kesilapan yang dijumpai dalam teks *Janina* yang pada awalnya diandaikan berlaku disebabkan ketidakfahaman penterjemah tentang teks *Jane Eyre* dalam bahasa Inggeris sebenarnya bukanlah kesilapan penterjemah. Kesilapan dalam teks *Janina* ini berlaku kerana penterjemah, Emilia Dobrzańska, bergantung pada teks dalam bahasa Perancis yang tidak diterjemahkan dengan tepat. Hal ini menunjukkan dengan jelas bukan sahaja kepentingan untuk menentukan teks sumber yang tepat dalam kajian terjemahan tetapi juga hakikat bahawa penggunaan teks sumber yang tidak tepat dalam kajian dalam bidang terjemahan tentu sekali akan menghasilkan kesimpulan yang tidak tepat.

Dengan mengambil kira huraian tentang terjemahan semula pada bahagian ini, bahagian yang seterusnya akan meneliti dan menghuraikan

status sebenar teks *Putera Kecil* (2021), iaitu sama ada terjemahan ini dapat diklasifikasikan sebagai satu terjemahan semula. Untuk tujuan ini, bahagian yang seterusnya akan menghuraikan cara kajian ini dijalankan. Bahagian yang seterusnya juga akan membincangkan teks *Le Petit Prince* dan meneliti butiran terjemahan kedua-dua *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memberikan fokus pada teks *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021), yang merupakan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi teks bahasa Perancis, *Le Petit Prince* (1943). Sebelum dihuraikan cara kajian ini dijalankan, sedikit huraian tentang teks sumber dalam bahasa Perancis, iaitu *Le Petit Prince* perlu diberi.

Le Petit Prince merupakan sebuah novela hasil karya Antoine de Saint-Exupéry (1900-1944), seorang aristokrat dan pengembara berbangsa Perancis. Cerita *Le Petit Prince* disampaikan oleh pengisahnya dalam 27 bab. Dalam novela ini, pengisahnya yang merupakan seorang juruterbang menceritakan pengalamannya berjumpa Putera Cilik/Putera Kecil semasa kapal terbangnya terkandas di Gurun Sahara. Putera tersebut sebenarnya berasal dari sebuah asteroid, dan telah mengembara ke beberapa tempat sebelum sampai ke bumi. Novel ini secara amnya mengisahkan pengembaraan Putera Cilik/Putera Kecil ke tempat-tempat tersebut, pengalamannya serta persahabatannya dengan pengisah novel.

Le Petit Prince diterbitkan kali pertama pada tahun 1943 di Amerika Syarikat oleh Reynal & Hitchcock dalam bahasa Perancis dan terjemahan dalam bahasa Inggeris. Penerbitannya secara serentak dalam dua bahasa inilah antara perkara yang menyumbang kepada keunikan penerbitan ini (Lanza-Mariani, 2021). Buku ini diterbitkan kali pertama di Perancis pada tahun 1946. Di laman sesawang rasmi *Le Petit Prince*, novel ini dirujuk sebagai “*a worldwide publishing phenomenon*” (*Le Petit Prince*, t.th.). Buku ini mempunyai lebih daripada 500 terjemahan rasmi, manakala sebanyak 15 juta naskhah novel ini telah terjual di Perancis sejak penerbitannya. Tahun 2023 menyaksikan sambutan ulang tahun ke-80 penerbitan buku ini.


Seperti yang dinyatakan sebelum ini, novela *Le Petit Prince* diterbitkan secara serentak dalam bahasa Perancis dan terjemahan bahasa Inggeris. Terjemahan bahasa Inggeris yang pertama diberi tajuk *The Little Prince* dan diterjemahkan oleh Katherine Woods. Terdapat banyak lagi terjemahan bahasa Inggeris bagi teks *Le Petit Prince* yang muncul selepas terjemahan Katherine Woods, misalnya tiga terjemahan pada tahun 1995 oleh Irene Testot-Ferry, Alan Wakeman dan T.V.F. Cuffe, terjemahan oleh Richard Howard pada tahun 2000, Ros dan Chloe Schwartz pada tahun 2010, David Wilkinson pada tahun 2011, Gregory Norminton pada tahun 2015, Rowland Hill pada tahun 2016, Joseph Laredo pada tahun 2017, Michael Morpurgo pada tahun 2018, dan Robert Hamilton pada tahun 2019. Terjemahan oleh Katherine Woods merupakan terjemahan yang paling lama bertahan tanpa sebarang saingan selama lebih kurang 50 tahun sebelum kemunculan terjemahan yang lain. Disebabkan hal ini, terjemahan Katherine Woods sering dianggap sebagai terjemahan yang unggul serta penting (Dybiiec-Gajer, 2012).

Terjemahan bahasa Melayu yang pertama muncul pada tahun 2015 dengan tajuk *Putera Cilik* (Rajah 1). Terjemahan ini dihasilkan oleh Ezzah Mahmud dan diterbitkan oleh Peanutzin, Shah Alam. Terjemahan bahasa Melayu yang seterusnya pula, iaitu *Putera Kecil* (Rajah 2), muncul pada tahun 2021. Terjemahan ini merupakan hasil karya Azzah Abdul Rahman dan diterbitkan oleh Biblio Press, Petaling Jaya. Seperti yang telah dinyatakan, kajian ini cuba untuk menentukan sejauh mana andaian yang menyatakan bahawa teks terjemahan yang terkemudian merupakan teks terjemahan semula merupakan satu andaian yang tepat. Turut dinyatakan juga bahawa salah satu perkara yang menghubungkan terjemahan semula dengan terjemahan yang pertama ialah hakikat bahawa kedua-dua teks berkongsi teks sumber yang sama dan bahasa sasaran yang sama. Dengan mengambil kira hal ini, perkara utama yang perlu ditentukan ialah teks sumber bagi kedua-dua terjemahan ini.


Pelbagai pendekatan dapat digunakan untuk menentukan teks sumber bagi sebuah terjemahan. Pendekatan yang pertama melibatkan analisis parateks. Menurut Genette (1997), parateks merujuk bahagian-bahagian yang terdapat pada sebuah teks atau yang berkaitan dengan sebuah teks,

selain bahagian utama yang menjadi isi atau kandungan utama teks. Terdapat dua bentuk parateks, iaitu periteks dan epiteks. Periteks ialah sebarang bentuk maklumat yang wujud bersama-sama sebuah teks, misalnya kulit buku, nota penterjemah, butiran penerbitan, nota kaki dan ilustrasi yang terdapat pada teks. Epiteks pula merupakan sebarang bentuk maklumat yang berkaitan dengan sebuah teks tetapi tidak wujud bersama-sama teks tersebut. Antara contoh epiteks ialah laporan, ulasan dan sebarang bentuk penulisan tentang teks tersebut di akhbar, majalah, laman sesawang dan sebagainya. Epiteks juga merangkumi dokumen yang disimpan dalam koleksi penterjemah, seperti yang dinyatakan dalam kajian oleh Ivaska dan Huuhtanen (2020). Pendekatan yang kedua pula melibatkan temu bual bersama penerbit dan penterjemah yang berkaitan. Satu lagi pendekatan yang dapat digunakan melibatkan analisis teks, seperti yang ditunjukkan dalam kajian oleh Ivaska dan Huuhtanen (2020) dan Hadyna (2016).

Untuk menentukan teks sumber bagi *Putera Cilik* dan *Putera Kecil*, dan seterusnya menentukan status *Putera Kecil* sebagai terjemahan semula, pendekatan yang pertama dan kedua digunakan. Hal ini demikian kerana setiap satu pendekatan ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Pendekatan pertama yang melibatkan analisis parateks merupakan pendekatan yang lebih mudah kerana melibatkan analisis fizikal teks terjemahan berkaitan dan juga carian dalam bentuk dokumen, laporan atau penerbitan bercetak atau dalam talian. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperoleh mungkin agak terhad dan tidak lengkap. Pendekatan yang kedua pula yang melibatkan temu bual bersama penerbit dan penterjemah mungkin lebih sukar, khususnya jika maklumat yang diperlukan tidak dapat dikongsi oleh penerbit atau penterjemah atas sebab-sebab tertentu. Dalam kes teks terjemahan yang telah lama diterbitkan, pendekatan yang kedua ini mungkin tidak dapat digunakan sekiranya penerbit tidak lagi wujud dan/atau penterjemah sudah meninggal dunia. Walaupun bagaimanapun, maklumat yang diperoleh melalui pendekatan yang kedua ini lebih menyeluruh dan tepat kerana diperoleh daripada pihak yang menghasilkan dan mengendalikan terjemahan ini secara langsung.



Rajah 1 Kulit hadapan *Putera Cilik* (2015)



Rajah 2 Kulit hadapan *Putera Kecil* (2021)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan memberikan fokus pada maklumat yang diperolehi berdasarkan analisis periteks dan epiteks bagi teks *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021), serta dapatan daripada temu bual bersama penterjemah dan penerbit teks-teks terjemahan ini.

Putera Cilik diterjemahkan oleh Ezzah Mahmud dan diterbitkan oleh Peanutzin, Shah Alam pada tahun 2015. Analisis periteks yang dilakukan menunjukkan bahawa kulit hadapan terjemahan ini memaparkan nama penerbitnya, tajuk terjemahan ini, dan nama penulis asal, iaitu Antoine de Saint-Exupéry. Nama penterjemahnya, Ezzah Mahmud, juga disertakan pada bahagian bawah kulit hadapan terjemahan ini. Pada kulit hadapan ini, pembaca juga disajikan dengan maklumat berikut: “Antara buku yang paling banyak dicetak di dunia dan diterjemah ke pelbagai bahasa. Buku yang wajib dibaca”. Pada halaman hak cipta pula, dinyatakan bahawa terjemahan ini merupakan “terjemahan dari karya asal *Le Petit Prince* oleh Antoine de Saint-Exupéry pada tahun 1943”.

Terjemahan bahasa Melayu yang seterusnya pula, iaitu *Putera Kecil*, dihasilkan oleh Azzah Abdul Rahman dan diterbitkan oleh Biblio Press, Petaling Jaya pada tahun 2021. Kulit hadapan terjemahan ini juga memaparkan nama penulis asal, iaitu Antoine de Saint-Exupéry, tajuk terjemahan dalam bahasa Melayu dan nama penterjemahnya. Selain itu, terjemahan ini juga memaparkan tajuk teks bahasa Inggeris, iaitu *The Little Prince*, tetapi dengan menggunakan saiz fon yang lebih kecil jika dibandingkan dengan tajuk terjemahan dalam bahasa Melayu. Pada halaman hak cipta, pembaca dimaklumkan bahawa “*Putera Kecil* ialah terjemahan sah *Le Petit Prince* dalam bahasa Perancis, daripada domain awam”.

Berdasarkan analisis periteks yang dilakukan, gambaran yang diperolehi, terutamanya daripada halaman hak cipta, menunjukkan seolah-olah kedua-dua terjemahan ini dihasilkan daripada teks bahasa Perancis, *Le Petit Prince*. Walau bagaimanapun, teks *Putera Kecil* turut memaparkan tajuk novela ini dalam bahasa Inggeris, iaitu *The Little Prince*. Oleh itu, tidak jelas sama ada teks bahasa Perancis atau teks bahasa Inggeris yang sebenarnya menjadi teks sumber bagi kedua-dua terjemahan ini. Analisis periteks semata-mata tidak berjaya mendapatkan maklumat yang menyeluruh dan tepat tentang teks sumber bagi kedua-dua terjemahan ini.

Analisis epiteks pula cuba meneliti laman sesawang yang memuatkan maklumat tentang *Putera Cilik* dan *Putera Kecil* dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang teks sumber kedua-dua terjemahan ini. Pertama sekali, rujukan dilakukan di laman sesawang *Jean-Marc Probst Foundation for the Little Prince*, iaitu yayasan yang mengumpulkan semua terjemahan dan sebarang penerbitan berkaitan *Le Petit Prince* dalam pelbagai bahasa (*Petit Prince Collection*, t.th.). Laman sesawang ini memuatkan bukan sahaja maklumat berkaitan novela *Le Petit Prince* tetapi juga rekod tentang semua terjemahan *Le Petit Prince* ke dalam pelbagai bahasa dunia yang telah dikenal pasti. Rujukan di laman sesawang ini menunjukkan bahawa sehingga 31 Mac 2023, koleksi ini telah berjaya mengenal pasti sebanyak 6650 edisi novela ini yang diterbitkan dalam 537 bahasa dan dialek di dunia. Rujukan di bawah kategori bahasa Melayu menunjukkan bahawa terdapat dua terjemahan dalam bahasa Melayu, iaitu *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021). Walau bagaimanapun, bagi

kedua-dua terjemahan ini, maklumat yang dipaparkan di laman web ini hanyalah maklumat berkaitan ISBN, tahun penerbitan, penerbit, tempat penerbitan, nama penterjemah, saiz buku, dan jenis kulit buku (sama ada kulit keras atau kulit lembut). Maklumat berkaitan teks sumber bagi setiap teks ini tidak dinyatakan.

Kajian ini turut merujuk penulisan Orked Una (2021) yang diterbitkan di portal e-majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dimuatkan dalam majalah *Tunas Cipta*. Makalah dalam talian dengan tajuk ‘Magis *Putera Kecil* buat pembaca di Malaysia’ ini diterbitkan pada 2 Ogos 2021. Penulisan ini dihasilkan berdasarkan perbincangan tentang terjemahan *Putera Kecil* yang dianjurkan oleh Biblio Press melalui platform *Twitter Spaces* Biblio Press sebagai satu cara untuk mempromosikan terjemahan tersebut. Berdasarkan penulisan pada portal tersebut, jelas bahawa penterjemah *Putera Kecil*, Azzah Abdul Rahman, sedar akan kewujudan terjemahan yang pertama, *Putera Cilik*. Berikut merupakan penjelasan beliau:

Penterjemahan semula ini bukanlah tidak mengiktiraf terjemahan terbitan Peanutzin. Saya mahu terjemahkan karya ini untuk menghargainya sendiri dan mahu sampaikan *The Little Prince* lebih meluas lagi kepada rakyat Malaysia, penutur bahasa Melayu. Negara lain mengangkat naskhah ini, jadi saya tidak mahu rakyat Malaysia ketinggalan. (Orked Una, 2021)

Walaupun istilah “penterjemahan semula” digunakan oleh penterjemah kedua, hal ini bukanlah bukti yang kukuh bahawa *Putera Cilik* dan *Putera Kecil* berkongsi teks sumber yang sama. Dapat dilihat juga bahawa walaupun analisis peritext berjaya memperoleh maklumat tambahan tentang *Putera Cilik* dan *Putera Kecil*, analisis epitext, seperti juga analisis peritext, tidak berjaya mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat tentang teks sumber bagi kedua-dua terjemahan ini.

Akhir sekali, temu bual juga diadakan bersama penerbit dan penterjemah sebagai satu langkah dalam usaha untuk mengenal pasti teks sumber bagi *Putera Cilik* dan *Putera Kecil*. Berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama Abdul Walid Ali, pemilik Peanutzin yang merupakan penerbit teks *Putera Cilik*, kebenaran untuk menghasilkan terjemahan

dalam bahasa Melayu bagi teks *Le Petit Prince* diperoleh daripada Thomas Riviere, Pengurus Jenama *Le Petit Prince* yang juga merupakan Pengurus Besar SOGEX, salah satu cabang estet/harta peninggalan Antoine de Saint-Exupéry dan pemberi lesen global bagi apa-apa hak berkaitan *Le Petit Prince/The Little Prince*. Menurut Abdul Walid Ali lagi, antara syarat penting yang terkandung dalam kebenaran yang diberikan ialah terjemahan bahasa Melayu perlu dihasilkan berdasarkan terjemahan bahasa Inggeris tahun 1943 oleh Katherine Woods (Abdul Walid Ali, temu bual, 2021).

Hal ini diperakui oleh penterjemah teks *Putera Cilik* (2015), Ezzah Mahmud, yang mengesahkan bahawa penterjemahan *Putera Cilik* (2015) dilakukan dengan bergantung sepenuhnya pada terjemahan bahasa Inggeris oleh Katherine Woods. Beliau juga memaklumkan bahawa beliau langsung tidak merujuk teks bahasa Perancis disebabkan syarat yang dikenakan oleh Pengurus Jenama *Le Petit Prince* dan juga disebabkan kekangan bahasa, iaitu beliau sendiri tidak memahami bahasa Perancis (Ezzah Mahmud, temu bual, 2021). Berdasarkan maklum balas ini, jelas bahawa *Putera Cilik* (2015) diterjemahkan bukan berdasarkan teks asal dalam bahasa Perancis tetapi berdasarkan teks perantara dalam bahasa Inggeris. Dengan kata lain, *Putera Cilik* (2015) sebenarnya merupakan terjemahan tidak langsung (*indirect translation*), iaitu terjemahan yang dihasilkan bukan daripada teks asal (bahasa Perancis) tetapi berdasarkan teks perantara (bahasa Inggeris) yang juga merupakan sebuah terjemahan (bahasa Perancis > bahasa Inggeris > bahasa Melayu). Dengan mengambil kira maklumat yang diperoleh semasa analisis peritexts, hakikat bahawa *Putera Cilik* merupakan terjemahan tidak langsung tidak jelas. Status *Putera Cilik* sebagai terjemahan tidak langsung tidak dinyatakan pada kulit hadapan terjemahan tersebut mahupun pada halaman hak ciptanya. Walau bagaimanapun, hal ini tidak menghairankan memandangkan status sebuah terjemahan sebagai terjemahan tidak langsung jarang sekali dinyatakan secara terang-terangan kepada pembaca sasaran (Ringmar, 2007).

Seterusnya, penterjemah teks *Putera Kecil* (2021) juga dihubungi untuk mendapatkan maklumat tentang terjemahan beliau. Menurut Azzah Abdul Rahman, setelah beliau menghadiri Pesta Buku Frankfurt pada tahun 2018, tanpa dirancang beliau singgah di Lyon, yang lapangan

terbang utamanya bernama Lyon-Saint-Exupéry Airport. Beliau seterusnya mendapati bahawa Lyon ialah tempat kelahiran Antoine de Saint-Exupéry. Beliau menerangkan bahawa semasa di Lyon, beliau berkesempatan melawat Place Bellecour, satu dataran di mana terletaknya arca Antoine de Saint-Exupéry bersama arca watak ciptaan beliau, Le Petit Prince.

Beliau juga mendapati bahawa berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh beliau di beberapa platform media sosial, tidak ramai yang pernah membaca buku *The Little Prince* walaupun sudah wujud terjemahan dalam bahasa Melayu, iaitu *Putera Cilik*. Hal inilah yang menyebabkan beliau membuat keputusan untuk menterjemah, menerbitkan dan memasarkan terjemahan buku tersebut kerana beliau merasakan buku ini harus dibaca oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia. Peluang muncul apabila Biblio Press membuka ruang untuk penulis/penterjemah mencadangkan judul untuk diterjemahkan. Azzah seterusnya menghubungi pemilik Biblio Press, Kiridaren Jayakumar, yang kemudiannya bersetuju untuk menerbitkan terjemahan tersebut. Menurut Azzah lagi, terjemahan beliau tidak dilakukan berdasarkan teks asal dalam bahasa Perancis tetapi berdasarkan terjemahan bahasa Inggeris tahun 2010 oleh Ros dan Chloe Schwartz (Azzah Abdul Rahman, temu bual, 2022). Berdasarkan maklum balas ini, jelas bahawa seperti juga *Putera Cilik*, *Putera Kecil* diterjemahkan bukan berdasarkan teks asal dalam bahasa Perancis tetapi berdasarkan teks perantara dalam bahasa Inggeris. Dengan kata lain, seperti juga *Putera Cilik*, *Putera Kecil* juga merupakan terjemahan tidak langsung. Hal yang lebih penting dalam konteks kajian ini ialah hakikat bahawa teks perantara yang digunakan dalam kedua-dua terjemahan ini bukanlah teks yang sama.

Kajian ini dilakukan untuk meneliti ketepatan andaian bahawa teks terjemahan yang terkemudian merupakan teks terjemahan semula. Dengan mengambil kira konsep terjemahan semula, iaitu terjemahan terkemudian bagi sebuah teks, yang dihasilkan daripada teks sumber yang sama dan dalam bahasa yang sama dengan terjemahan yang terdahulu, maka dapat disimpulkan bahawa *Putera Kecil* (2021) bukanlah satu bentuk terjemahan semula. Sebuah terjemahan dapat dirujuk sebagai terjemahan semula sekiranya berkongsi teks sumber yang sama dengan teks terjemahan terdahulu. Dalam kes ini, *Putera Kecil* (2021) diterjemahkan berdasarkan

terjemahan bahasa Inggeris tahun 2010 oleh Ros dan Chloe Schwartz, manakala *Putera Cilik* (2015) diterjemahkan berdasarkan terjemahan bahasa Inggeris tahun 1943 oleh Katherine Woods. Jelas bahawa kedua-dua terjemahan bahasa Melayu ini tidak berkongsi teks sumber yang sama, walaupun kedua-duanya berasal daripada karya yang sama dalam bahasa Perancis, iaitu *Le Petit Prince*. Dalam hal ini, teks asal, *Le Petit Prince*, bukanlah teks sumber yang sebenar, walaupun halaman hak cipta kedua-dua buah terjemahan menyatakan bahawa terjemahan bahasa Melayu dihasilkan daripada *Le Petit Prince*.

Apakah implikasi dapatan kajian ini? Perbincangan kes yang melibatkan *Le Petit Prince*, *The Little Prince*, *Putera Cilik* dan *Putera Kecil* ini bukan sahaja dapat menunjukkan dengan jelas teks yang boleh atau tidak boleh diklasifikasikan sebagai terjemahan semula dari sudut akademik, tetapi juga mempunyai implikasi dari segi pentakrifan dan pemahaman konsep seperti ‘teks asal’ dan ‘teks sumber’, khususnya dalam konteks terjemahan tidak langsung.

Ivaska dan Huuhtanen (2020), misalnya, mencadangkan konsep “*work*” (karya) dan “*text*” (teks) untuk menjelaskan hubungan yang wujud antara teks sumber dan pelbagai terjemahan yang terhasil daripada teks sumber tersebut, sama ada melalui terjemahan langsung atau tidak langsung. Menurut Ivaska dan Huuhtanen (2020), satu “*work*” (karya) boleh diwakili oleh pelbagai terjemahan / teks / versi: “*texts are representations of a work, and a work, in turn, is a literary creation implied by its various texts*” (2020: 312). Mereka menjelaskan lagi bahawa dalam konteks lima terjemahan dalam bahasa Finland bagi novel bahasa Perancis *Vingt mille lieues sous les mer* yang tidak berkongsi teks sumber hakiki yang sama, kesemua terjemahan ini masih merupakan teks (*texts*) daripada karya (*work*) yang sama, dan dengan itu, boleh dianggap sebagai terjemahan semula bagi karya bahasa Perancis *Vingt mille lieues sous les mer*. Walau bagaimanapun, jika teks sumber hakiki bukan sebuah karya (*work*) dan hanya berstatus teks (*text*), maka terjemahan dalam bahasa Finland itu bukanlah terjemahan semula dalam erti kata yang sebenar.

Jika diaplikasikan konsep yang sama dalam kajian ini, maka dapat dikatakan bahawa walaupun *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021) mempunyai teks sumber hakiki yang berlainan, kedua-dua terjemahan bahasa Melayu ini, dan juga teks sumber bahasa Inggerisnya serta teks *The Little Prince* yang lain dalam apa-apa jua bahasa merupakan teks daripada karya yang sama. Oleh itu, jika teks sumber, iaitu *Le Petit Prince*, dilabel sebagai sebuah karya (*work*), maka semua terjemahan yang wujud bagi teks *Le Petit Prince*, tidak kira sama ada melalui terjemahan langsung atau tidak langsung, dan dalam apa-apa jua bahasa, boleh dianggap sebagai teks bagi karya tersebut. Seterusnya, semua terjemahan *Le Petit Prince* dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan apa-apa jua bahasa boleh dianggap sebagai terjemahan semula bagi *Le Petit Prince*. Sebaliknya, jika teks sumber merupakan teks, iaitu *The Little Prince* dalam bahasa Inggeris, maka *Putera Kecil* (2021) bukan satu terjemahan semula kerana *Putera Kecil* (2021) dan *Putera Cilik* (2015) tidak berkongsi teks hakiki yang sama. Dalam konteks terjemahan tidak langsung, dicadangkan supaya perkataan ‘karya’ dan ‘teks’ digunakan dengan cara yang lebih khusus. Untuk menjadikan teks yang dirujuk lebih jelas, dicadangkan supaya karya yang menjadi sumber asal (misalnya, *Le Petit Prince* dalam bahasa Perancis) dilabel sebagai karya sumber / karya asal / karya pemula, manakala teks perantara (misalnya, *The Little Prince* dalam bahasa Inggeris) yang berfungsi sebagai teks sumber sebenar dalam terjemahan tidak langsung dirujuk sebagai teks sumber / teks sumber hakiki.

Apakah kepentingan mengenal pasti dan menentukan dengan jelas teks sumber hakiki bagi sebuah terjemahan? Seperti yang telah ditunjukkan dalam kajian ini dan juga kajian oleh Ivaska dan Huuhtanen (2020), penentuan teks sumber hakiki penting untuk kita menentukan dengan tepat status sebuah teks terjemahan, iaitu sebagai satu terjemahan semula atau bukan. Penentuan teks sumber hakiki, terutamanya dalam konteks terjemahan tidak langsung, juga penting kerana terjemahan lazimnya dikaji dan dinilai dengan merujuk teks sumbernya. Sebagai contoh, kajian bidang terjemahan yang memberikan fokus pada padanan kata, ketepatan makna atau anjakan terjemahan tentu sekali perlu menilai sesuatu terjemahan dengan merujuk teks sumber hakikinya. Jika teks sumber hakiki yang sah digunakan, maka analisis dapat dilakukan berdasarkan teks sumber yang

tepat. Hal ini seterusnya akan dapat menghasilkan penilaian dan kesimpulan yang tepat, seperti yang ditonjolkan dalam kajian oleh Hadyna (2016). Perkara ini penting sekali khususnya dalam kajian yang melibatkan teks seperti *Le Petit Prince* yang mempunyai lebih daripada 500 terjemahan rasmi, sama ada yang diterjemahkan secara langsung daripada teks bahasa Perancis atau yang diterjemahkan dengan menggunakan teks perantara dalam pelbagai bahasa.

Bahagian yang seterusnya akan menunjukkan kepentingan menentukan teks sumber bagi sesuatu terjemahan dengan tepat dalam kajian dalam bidang terjemahan, dengan menggunakan petikan daripada teks-teks yang digunakan dalam kajian ini. Contoh 1 memaparkan petikan yang diambil daripada karya sumber dalam bahasa Perancis, *Le Petit Prince* (1943), yang disertakan terjemahan literal dalam bahasa Melayu, dua terjemahan dalam bahasa Inggeris, iaitu *The Little Prince* (1943), hasil terjemahan Katherine Woods, dan *The Little Prince* (2010), hasil terjemahan Ros dan Chloe Schwartz, serta terjemahan dalam bahasa Melayu bagi setiap teks bahasa Inggeris tersebut, iaitu *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021). Paparan data seperti ini membolehkan kita membandingkan kesemua teks ini, dan secara khususnya melihat perbezaan dan persamaan antara *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021) kesan penggunaan teks sumber hakiki yang berbeza.

Contoh 1

<p>KARYA SUMBER: <i>Le Petit Prince</i> (1943) PENULIS: Antoine de Saint-Exupéry</p> <p><i>Lorsque j’avais six ans j’ai vu, une fois, une magnifique image, dans un livre sur la Forêt Vierge qui s’appelait « Histoires Vécues ». Ça représentait un serpent boa qui avalait un fauve. (1943: 1)</i></p> <p>[Semasa saya berumur enam tahun, saya lihat, pada suatu masa, sebuah gambar yang menakjubkan, dalam buku tentang hutan dara, yang dipanggil Kisah Benar. Ia menunjukkan seekor ular sawa yang menelan seekor binatang liar.]</p>	
<p>TEKS SUMBER: <i>The Little Prince</i> (1943) PENTERJEMAH: Katherine Woods</p> <p><i>Once when I was six years old I saw a magnificent picture in a book, called True Stories from Nature, about the primeval forest. It was a picture of a boa constrictor in the act of swallowing an animal. (1943: 1)</i></p>	<p>TEKS SUMBER: <i>The Little Prince</i> (2010) PENTERJEMAH: Ros & Chloe Schwartz</p> <p><i>When I was six years old, I came across a beautiful picture in a book about the jungle called True Stories. It showed a boa constrictor swallowing a wild animal. (2010: 7)</i></p>
<p>TEKS TERJEMAHAN: <i>Putera Cilik</i> (2015) PENTERJEMAH: Ezzah Mahmud</p> <p>Suatu masa dahulu, sewaktu saya berusia enam tahun, saya terlihat sebuah gambar yang sangat menakjubkan di dalam sebuah buku yang berjudul, Kisah Nyata daripada Alam, tentang hutan zaman batu. Gambar itu ialah gambar seekor ular sawa yang sedang melilit dan cuba untuk menelan seekor binatang. (2015: 8)</p>	<p>TEKS SUMBER: <i>Putera Kecil</i> (2021) PENTERJEMAH: Azzah Abdul Rahman</p> <p>Semasa berusia 6 tahun, saya terjumpa gambar yang menakjubkan di dalam buku tentang hutan dara yang berjudul “Kisah-Kisah Benar”. Gambar ular boa yang telah menelan seekor binatang liar. (2021: 2)</p>

Berdasarkan paparan ini, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021). Dalam terjemahan oleh Ezzah Mahmud, ular dalam petikan ini dikatakan cuba menelan “seekor binatang”, manakala dalam terjemahan oleh Azzah Abdul Rahman, ular tersebut menelan “seekor binatang liar”. Perbezaan ini berlaku kerana kedua-dua penterjemah merujuk teks sumber hakiki yang berlainan. Teks sumber yang digunakan oleh Ezzah Mahmud merujuk “*an animal*”, maka padanan yang diberikan oleh Ezzah Mahmud, iaitu “seekor binatang” adalah bertepatan sekali. Teks sumber yang digunakan oleh Azzah Abdul Rahman pula merujuk “*a wild animal*”, maka padanan yang diberikan oleh Azzah Abdul Rahman, iaitu “seekor binatang liar” juga memang sesuai dan mencerminkan teks sumber yang digunakan oleh beliau.

Sekiranya perbandingan dalam kajian terjemahan dilakukan dengan menggunakan pasangan teks sumber dan teks terjemahan yang tepat, maka kita dapat membuat kesimpulan yang tepat tentang sesuatu terjemahan. Misalnya, berdasarkan petikan dalam Contoh 1, kita dapat membuat kesimpulan bahawa Ezzah Mahmud mahupun Azzah Abdul Rahman menekankan kesetiaan pada teks sumber. Hal ini dicerminkan melalui padanan yang diberikan dalam terjemahan oleh Ezzah Mahmud, yang mana “*I saw*” = “saya terlihat”; “*True Stories from Nature*” = “Kisah Nyata daripada Alam”; dan “*primeval forest*” = “hutan zaman batu”. Azzah Abdul Rahman juga menekankan kesetiaan pada teks sumber, dan hal ini dapat dilihat melalui padanan yang diberikan dalam terjemahannya, iaitu “*I came across*” = “saya terjumpa”; “*True Stories*” = “Kisah-kisah Benar”; dan “*jungle*” = “hutan dara”.

Sebaliknya, jika pengkaji membandingkan teks terjemahan dengan teks sumber yang tidak tepat, maka kesimpulan yang dibuat juga mungkin tidak tepat. Sebagai contoh, jika pengkaji membandingkan teks terjemahan *Putera Kecil* (2021) dengan teks sumber bahasa Inggeris *The Little Prince* (1943), dengan andaian bahawa teks ini merupakan teks sumber hakikinya, maka pengkaji mungkin membuat kesimpulan bahawa penterjemah mengambil pendekatan yang agak bebas dalam terjemahannya berdasarkan padanan yang dikenal pasti dalam teks (“*I saw*” = “saya terjumpa”; “*True Stories from Nature*” = “Kisah-kisah Benar”; “*primeval forest*” = “hutan

dara” dan “*an animal*” = seekor binatang liar”). Kesimpulan ini bukanlah kesimpulan yang tepat kerana teks terjemahan bahasa Melayu dibandingkan dengan teks bahasa Inggeris yang bukan teks sumber hakikinya.

Dapat disimpulkan bahawa pengkaji dalam bidang penterjemahan harus berhati-hati semasa menjalankan kajian yang melibatkan perbandingan antara teks terjemahan dan teks sumber. Teks sumber bagi suatu terjemahan perlu ditentukan dengan tepat sebelum perbandingan dapat dilakukan. Penggunaan teks sumber yang sebenar membolehkan perbandingan dan analisis dilakukan dengan sebaik dan setepat mungkin. Hal ini seterusnya akan menghasilkan dapatan yang sah yang bersandarkan data dan sumber yang tepat.

KESIMPULAN

Kajian ini telah cuba untuk menentukan ketepatan andaian bahawa teks terjemahan yang terkemudian merupakan teks terjemahan semula, dengan memberikan fokus pada dua teks terjemahan dalam bahasa Melayu, iaitu *Putera Cilik* (2015) dan *Putera Kecil* (2021), yang merupakan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi teks bahasa Perancis yang terkenal, *Le Petit Prince* (1943). Dengan menggunakan pendekatan yang melibatkan analisis parateks dan temu bual bersama penerbit dan penterjemah, dapatan yang diperoleh membolehkan kesimpulan dibuat bahawa *Putera Kecil* (2021) bukanlah satu bentuk terjemahan semula. Teks terjemahan yang terkemudian tidak semestinya terjemahan semula, terutamanya jika teks terjemahan yang pertama dan teks terjemahan yang terkemudian merupakan terjemahan tidak langsung yang tidak berkongsi teks sumber hakiki yang sama. Kajian ini bukan sahaja memperlihatkan kepentingan menentukan teks sumber hakiki dalam kajian terjemahan tetapi juga menunjukkan kepentingan menyatakan dengan jelas teks yang menjadi teks sumber hakiki dalam terjemahan tidak langsung. Walau bagaimanapun, maklumat tentang teks sumber hakiki bukanlah maklumat yang lazimnya dijumpai dalam teks terjemahan tidak langsung. Akhir sekali, kajian ini juga menekankan kepentingan untuk mengetahui dan memahami sejarah di sebalik sesuatu terjemahan kerana hal ini juga membolehkan pengkaji menentukan secara sah teks sumber yang sebenar bagi sebuah terjemahan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Universiti Penyelidikan 1001.PHUMANITI.8016044.

RUJUKAN

- Berk Albachten, Ö., & Tahir Gürçağlar, S. (Eds.). (2019a). *Perspectives on retranslation: Ideology, paratexts, methods*. Routledge.
- Berk Albachten, Ö., & Tahir Gürçağlar, S. (Eds.). (2019b). *Studies from a retranslation culture: The Turkish context*. Springer.
- Brownlie, S. (2006). Narrative theory and retranslation theory. *Across languages and cultures*, 7(2), 145–170. <https://doi.org/10.1556/acr.7.2006.2.1>
- Cadera, S.M., & Walsh, A.S. (Ed). (2016). *Literary retranslation in context*. Peter Lang.
- Cardoso, T. (2021). Harvesting new realities in Portugal: Literary retranslation and J. D. Salinger's *The Catcher in the Rye*. *Translation Matters*, 3(1), 76-92. https://doi.org/10.21747/21844585/tm3_1a5
- de Saint-Exupery, A. (1943). *Le Petit Prince*. Reynal & Hitchcock.
- de Saint-Exupery, A. (1943/2017). *The Little Prince* (K. Woods, Trans.). Egmont.
- de Saint-Exupery, A. (2010/2016). *The Little Prince* (Ros & Chloe Schwartz, Trans.). Macmillan Collector's Library.
- de Saint-Exupery, A. (2015). *Putera Cilik* (Ezzah Mahmud, Trans.). Peanutzin.
- de Saint-Exupery, A. (2021). *Putera Kecil* (Azzah Abdul Rahman, Trans.). The Biblio Press.
- Deane-Cox, S. (2014). *Retranslation: Translation, literature and reinterpretation*. Bloomsbury-Continuum.
- Du Nour, M. (1995). Retranslation of Children's Books as Evidence of Changes in Norms. *Target*, 7(2), 327–346. <https://doi.org/10.1075/target.7.2.08dun>
- Dybiec-Gajer, J. (2012). The challenge of simplicity: *Le Petit Prince* in Polish and English translation from the perspective of critical point analysis. In J. Górnikiwicz, I. Piechnik, & M. Świątkowska (Eds.), *Le Petit Prince et les amis au pays des traductions. Études dédiées à Urszula Dąbmska-Prokop* (pp. 110-125). Księgarnia Akademicka.
- Genette, G. (1997). *Paratexts: Thresholds of interpretation* (J.E Lewin, Trans.). Cambridge University Press.
- Hadyna, D. (2016): A relayed translation: Looking for the source text of the first Polish translation of Charlotte Brontë's *Jane Eyre*. *Studia Litteraria Universitatis Jagellonicae Cracoviensis*, 11(2), 73-81. <https://doi.org/10.4467/20843933ST.16.009.5318>

- Ivaska, L., & Huuhtanen, S. (2020). Beware the source text: Five (re)translations of the same work, but from different source texts. *Meta*, 65(2), 312–331. <https://doi.org/10.7202/1075838ar>
- Kim, K.H. (2018) Retranslation as a socially engaged activity: The case of *The Rape of Nanking*. *Perspectives*, 26(3), 391-404. <https://doi.org/10.1080/0907676X.2017.1388413>
- Koskinen, K. (2018). Revising and retranslating. In K. Washbourne & B. Van Wyke (Eds.), *The Routledge Handbook of Literary Translation* (pp. 315-324). Routledge.
- Koskinen, K., & Paloposki, O. (2003). Retranslations in the age of digital reproduction. *Cadernos de tradução*, 1(11), 141–159.
- Koskinen, K. & Paloposki, O. (2010). Retranslation. In Y. Gambier & L. van Doorslaer (Eds.), *Handbook of Translation Studies* (Vol. 1) (pp. 294-298). John Benjamins.
- Lanselle, R. (2020). Classical Chinese theatre for different times: French translations and retranslations. *Asia Pacific Translation and Intercultural Studies*, 7(3), 310-328. <https://doi.org/10.1080/23306343.2020.1824755>
- Lanza-Mariani, A. (2021, March 2). How the little prince came to the Americas – and lost his rose on the way. *Supertext*. <https://blog.supertext.ch/en/2021/03/how-the-little-prince-came-to-the-americas-and-lost-his-rose-on-the-way/>
- Le Petit Prince (n.d.). Le Petit Prince/The Little Prince official website. Retrieved from <https://www.lepetitprince.com/en/homepage/>
- Orked Una. (2021, Ogos). Magis *Putera Kecil* buat pembaca Malaysia. *Tunas Cipta*. <https://tunascipta.jendeladbp.my/2021/08/02/1042/>
- Petit Prince Collection. (n.d.). The Jean-Marc Probst Foundation for the Little Prince. Retrieved from <https://www.petit-prince-collection.com/lang/intro.php?lang=en>
- Ringmar, M. (2007). “Roundabout routes”: Some remarks on indirect translations. In F. Mus (Ed.), *Selected Papers of the CETRA Research Seminar in Translation Studies 2006* (pp. 1-17). CETRA.
- Saeedi, S. (2020). New perspectives on retranslation: The case of Iran. *Transcultural: A Journal of Translation and Cultural Studies*, 12(1), 27-46. <https://doi.org/10.21992/tc29496>
- Susam-Sarajeva, S. (2003). Multiple-entry visa to travelling theory: Retranslations of literary and cultural theories. *Target*, 15(1), 1-36. <https://doi.org/10.1075/target.15.1.02sus>
- Vanderschelden, I. (2001). Re-translation. In O. Classe (Ed.), *Routledge encyclopedia of literary translation into English*, Vol. 2 (pp. 1154-1155). Routledge.
- Venuti, L. (2013). *Translation changes everything: Theory and practice*. Routledge.

Temu Bual

Abdul Walid Ali (2021). Penerbit. 15 Februari 2021.

Azzah Abdul Rahman (2022). Penterjemah. 24 Mac 2022.

Ezzah Mahmud (2012). Penterjemah. 15 Februari 2021.